

Pungutan dan Pembahagian Zakat Fitrah Tahun yang Lalu di Singapura

Jawatankuasa Zakat Fitrah yang beralamat di Nombor 31, Lorong 12, Geylang Road, Singapura (Rumah Jamiyah) pada tahun yang lalu telah mengadakan potongan zakat fitrah di seluruh pulau Singapura dengan cara sukarela. Di dalam penyata kira-kira potongan itu yang diadakan dari 4 Januari 1965 hingga 1 Februari 1965 yang telah ditunjukkan kepada kita bahawa potongan dari zakat fitrah \$14.988.50 dan daripada zakat harta sebanyak \$1.648.65. Jadi jumlahnya sebanyak \$16.637.15. Ini menunjukkan angka yang besar daripada potongan itu tetapi nampaknya cara pembahagian atas zakat fitrah yang dipungut itu adalah boleh dipandang, menurut pendapat kita, hak-hak yang utama bagi zakat fitrah untuk *fuqarā'* dan *masākīn* iaitu tujuan yang utama dilakukan oleh Rasulullah (S.A.W) adalah boleh dipandang "dirampas" kerana kalau kita perhatikan di bawah ini pembahagian-pembahagian yang diberikan untuk zakat fitrah itu adalah kepada perkara-perkara yang menimbulkan pertanyaan-pertanyaan yang besar kepada cara membahagikannya.

Daripada jumlah yang tersebut di atas dibahagikan kepada amil (komisyen pemungut) sebanyak \$2.079.89; fakir dan miskin \$3.546.02; tentera *fi sabili Allāh* \$655.12; muallaf (tentera) \$655.02 ½; upah cetak-mencetak \$471.00; *stationary* \$27.80 – berjumlah semua \$7.434.97. Dengan ini bakinya \$9.202.18 dibahagikan seperti di bawah ini: -

Jamiyah kerana kerja-kerja agamanya \$2.000, PERGAS (Persatuan Guru-guru Agama) \$500, sekolah menengah \$500, Badan Kebajikan Perempuan Islam \$600, musafir \$68, fakir dan miskin \$70, muallaf \$70, Darul Ehsan \$200, membeli pelaung suara, *tape recorder*, almari, buku dan lagi *stationary* semuanya \$720.50, Surau Mackenzie \$25, perbelanjaan jurukira-jurukira \$75, perbelanjaan kerani \$319.50 – berjumlah semuanya \$5.138.00 dan bakinya \$4.064.18 tersimpan di dalam bank dengan nama Jamiyah termasuk wang di tangan \$16.98.

Di dalam kenyataan Zaman and Company Jurukira Am

Singapura yang menjadi Pemeriksa Kira-kira bagi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah itu menyatakan bahawa resit dan kira-kira bayaran disiapkan olehnya daripada kenyataan yang diberi oleh Jawatankuasa Zakat dan Fitrah beralamat di Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya, Singapura. Tidak ada di dalam kenyataan itu akuan puas hati atas kira-kira tersebut dan penyata kira-kira itu dikeluarkan pada 2 Disember 1965 iaitu sesudah sepuluh bulan zakat fitrah itu dipungut.

Tujuan-tujuan Zakat Fitrah

Dalam kitab *Al-Islām* nukilan dari Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy muka 538 Fasal 296 menyatakan bahawa:

"Di antara pertunjuk-pertunjuk Nabi (S.A.W) dalam soal fitrah ialah **mengeluarkannya sebelum sembahyang (Hari Raya)**.

"Dari beberapa hadith yang sahih didapati kepastian bahawa tidak boleh mentakhirkan pengeluaran fitrah dari Sembahyang Aid itu sebagaimana tak boleh menyembelih

korban sebelum Hari Raya Haji.

“Kemudian perlu ditegaskan, bahawa Nabi **menguntungkan fitrah buat para fakir miskin sahaja**. Kepada golongan *fuqarā'* dan *masākīn* sahajalah beliau bahagikan fitrah ini, tidak kepada golongan-golongan lain yang terdapat dalam ayat pembahagian zakat.

“Mengingat hal yang tersebut hendaklah para “amilah fitrah” membahagi fitrah-fitrah yang dapat dikumpulkan untuk golongan *fuqarā'* dan *masākīn* sahaja; dan dengan inilah kepentingan dan keperluan mereka dapat dipenuhi. Adapun apabila fitrah itu dibahagikan delapan atau lebih satu – dua bahagian sahaja, pastilah bahawa pembahagian fitrah tidak akan memuaskan kepada golongan yang perlu memperoleh kepuasan pada hari yang berbahagia itu.”

Seterusnya katanya, “Suatu kesilapan besar kepada tradisi membahagikan fitrah tujuh atau delapan itu bila mengecewakan *fuqarā'* dan *masākīn*. Perhatilah hikmah sabda Rasulullah (S.A.W):

Maksudnya: “Cukupkanlah keperluan mereka (fakir miskin) pada hari yang berbahagia ini (Aidil Fitri) supaya mereka tidak perlu meminta-minta (minta bantuan) untuk memenuhi hajat hidupnya dan keluarganya” – Hadith riwayat Ibn ‘Adī al-Dāraqutnī – *Subul al-Salām* 2:191)

Merampas Hak Fuqarā' dan Masākīn?

Mustahak diketahui bahawa zakat harta masanya tidak ditentukan – apabila cukup nisabnya maka pada saat itu hendaklah dibahagikan kepada delapan bahagian yang ditentukan tetapi berlainan dengan zakat fitrah. Ia adalah dikeluarkan sebelum sembahyang Hari Raya dan jika dikeluarkan sesudah sembahyang Hari Raya maka sifatnya sebagai sedekah sahaja. Lahir tujuannya bahawa fitrah itu adalah diuntukkan bagi meringankan *fuqarā'* dan *masākīn*, melapangkan

hidup mereka pada Hari Raya bersama-sama saudara mereka yang lain-lain seperti yang dilakukan oleh Rasulullah (S.A.W).

Sebab itu apabila kita menatap penyata kira-kira zakat fitrah yang disampaikan ke tangan kita untuk meminta perhatian kita, kita sangat hairan mendapati banyak perkara-perkara seperti upah cetak-mencetak, membeli *stationary, loud speaker, tape recorder*, almari, buku dan seumpamanya berjumlah \$1.219.30 yang sepatutnya masuk dalah¹ bahagian amil, walaupun hendak dimasukkan dipotong daripada zakat fitrah itu. Daripada \$16.637.15 fakir dan miskin hanya mendapat \$3.546.02 ½ dan satu lagi kira-kira \$70 ertinya berjumlah \$3.616.02 ½.

Juga perbelanjaan kerani-kerani yang sebanyak \$319.50 itu juga dapat diusahakan dengan kerja sukarela dan menjadi pertanyaan pula mengapa hak-hak *fuqarā'* dan *masākīn* bagi tahun yang lalu itu ditahan sehingga pada tahun ini.

Juga pembahagian sebanyak \$3600 kepada badan-badan Islam itu juga menjadi suatu pertanyaan kerana walaupun ada bahagian *fī sabīli Allāh* di dalam pembahagian zakat harta tetapi di dalam zakat fitrah *fī sabīli Allāh* itu tidak pada tempatnya apalagi nampaknya bahagian ini sudah meliputi sebanyak \$4.265.12 ½ – dengan dicampurkan daripada *fī Sabīli Allāh* (tentera) bermakna bahawa bahagian ini telah melebihi suku bahagian daripada hasil potongan itu.

Kekesalan Kita.

Perkara potongan fitrah ini, dengan cara yang ada dibuat ini, sangat mendukacitakan kerana kita pandang merampas hak *fuqarā'* dan *masākīn* di dalam masa Hari Raya dan sepatutnya pembahagian itu disempurnakan sebelum waktu Hari Raya. Itulah tujuan-tujuan berdasarkan kepada

¹ Perkataan sebenar ialah dalam.



Persidangan Perdamaian Perang Saudara di Yaman di dalam mana kerajaan-kerajaan Arab Bersatu dan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah campur tangan, telah diadakan di suatu tempat bernama Haradh – di Yaman. Persidangan ini telah gagal. Gambar di kanan menunjukkan al-Shaykh Abdullah al-Sudairi (berpakaian tghal) Ketua Majlis Damai bersama-sama dengan anggota-anggotanya. Gambar kiri – ialah peserta-peserta dalam perdamaian itu.

ajaran Junjungan kita Muḥammad (S.A.W) dan daripada apa yang kita lihat, yang terjadi, bolehlah dipandang bahawa usaha memungut zakat dan fitrah yang dilakukan dengan sukarela itu boleh dipandang mencari suatu kesempatan menghidupkan perubahan-perubahan – tidak kerana tujuan yang asal bagi menolong fakir dan miskin. Kalau inilah yang dituju maka bagaimanakah harapan baik dapat diserahkan kepada pengusaha-pengusaha itu kerana kalaupun hendak mendapatkan bantuan untuk badan dan sebagainya maka boleh diambil daripada zakat harta – tidak daripada zakat fitrah apalagi di dalam usaha-usaha ini, usaha permulaan semua kerja bayaran, tidak dicari dan tidak diminta kerja sukarela.

Kita berharap hal yang demikian ini bukan sahaja akan menjadi perhatian bagi Singapura tetapi juga bagi seluruh Tanah Melayu dan juga bagi jabatan-jabatan agama untuk mengkaji dan mengatur semula cara-cara yang telah

berjalan membahagikan potongan zakat fitrah bahagian *fuqarā'* dan *masākīn* kepada bahagian-bahagian lain yang ditentukan kepada mereka mendapatnya sebelum berhari raya. Mudah-mudahan kesedaran akan timbul supaya kita bersama-sama tidak bertanggungjawab memakan hak yang diuntukkan Tuhan bagi mereka itu (*fuqarā'* dan *masākīn*).

Di bandar Dakka, ibu kota Pakistan Timur adalah terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai banyak masjid, di antara masjid-masjid bersejarah. Di sana mempunyai lebih kurang 700 buah masjid.

Badan Penasihat Pengajian Islam Pakistan telah mengesyorkan Pengajian Islam hendaklah dijadikan pelajaran wajib bagi penuntut-penuntut Islam daripada darjah rendah hingga ke pengajian tinggi.